

### **Kerajaan cadang beli pesawat Bombardier, helikopter Medevac untuk JBPM**

KUCHING - Kerajaan ber-cadang membeli sebuah pesawat Bombardier dan helikopter Medevac bagi kegunaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin berkata, kedua-dua aset udara itu yang masih belum dimiliki pasukan penyelamat berkenaan amat diperlukan terutama dalam proses evakuasi mangsa di kawasan pedalaman dan memadam kebakaran hutan.

Menurutnya, kementerian juga akan mempertimbangkan pemerolehan peralatan-peralatan menangani kebakaran yang terkini sekiranya perlu bagi kegunaan jabatan tersebut.

"Saya akan ke Itali dalam masa terdekat bagi melihat keberkesanan jentera atau peralatan yang digunakan di sana dalam kerja pemadaman api.

"Itali ialah model negara terbaik dalam menangani isu kebakaran, jadi kita akan ke sana untuk melihat demonstrasi mo-

del yang digunakan," katanya kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Alat Pemadaman Api di Ibu Pejabat JBPM Sarawak di sini semalam.

Sebanyak 1,000 alat pemadam api telah diserahkan kepada JBPM Sarawak untuk diagihkan kepada rumah-rumah panjang di pedalaman sebagai alat bantuan awal mengawal kebakaran.

Sementara itu, Pengarah JBPM Sarawak, Khiru-

din Drahran berkata, terdapat hanya 32 balai bomba di Sarawak ketika ini sedangkan dari segi geografinya, Sarawak lebih luas daripada Semenanjung.

"Jika berlaku kebakaran, pihak bomba sukar untuk sampai awal di lokasi terutama di pedalaman. Justeru, dengan adanya peralatan pemadam api, ia dapat membantu memadamkan kebakaran awal dan mengelak kerugian harta benda," katanya. - *Bernama*



Zuraida (dua dari kanan) menyerahkan replika alat pemadam api mewakili 1,000 alat pemadam api kepada Khirudin pada Majlis Penyerahan Alat Pemadaman Api di Ibu Pejabat JBPM Sarawak di Kuching semalam.